

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU MUZIUM (D.1-2 EB.3-4-5)  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU MUZIUM**

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**D.1-2 EB.3-4-5 (\$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian di tempat ditugaskan;
2. Melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium-Muzium dan tugas-tugas yang disenaraikan oleh Ketua Bahagian; dan
3. Bertanggungjawab menerima apa juu tugas atau kerja-kerja yang diberikan serta arahan-arahan dari Pengarah atau Ketua Bahagian dari semasa kesemasa.